


Pembangunan *Yang*

FITRAH



DAR BARIYAZI

Prof Dr. SIDEK BABA

PEMBANGUNAN YANG FITRAH

Pengarang: Prof. Dr. Sidek Baba

2008 Dar Bariyazi
© Abd Khaliq Abd Malek

@HAKCIPTA TERPELIHARA

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada DAR BARIYAZI.

Perpustakaan Negara Malaysia:
Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

Prof. Dr. Sidek Baba/PEMBANGUNAN YANG FITRAH
ISBN: 978-983-2144-08-3
1. Sid. Etika Akhlak I. Judul
170

Diterbitkan oleh:
DAR BARIYAZI
Lot 01-125, Tkt 1, Kompleks PKNS
Persiaran Tasik, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel/Fax: 03-5519 8979
e-mail: hakamah@gmail.com
<http://www.darbaryazi.4t.com>

Dicetak oleh:
POWER PRESS & DESIGN (M) SDN BHD
10, Jalan 12/32B, TSI Business & Industrial Park
Bt 6½, Off Jalan Kepong, 52000 K.Lumpur

PENGANTAR

Buku ini dipersembahkan sedemikian rupa untuk memberikan pemahaman yang mudah kepada pembaca mengenai asas-asas pemikiran Islam. Ianya tidak diolah secara metodologi ilmiah bagi memudahkan semua peringkat pembaca memenfaatkannya. Asas-asas pemikiran dalam tajuk-tajuk yang dipilih adalah penting bagi membolehkan perspektif mengenai pembangunan dan perubahan difahami dengan jelas.

Salah satu masalah umat Islam kini ialah ketidakjelasan dan kecelaruan dalam memahami isu-isu pokok yang berhubung dengan asas-asas pemikiran Islam. Ada yang mendekati asas-asas ini secara spiritual atau rohaniah dan terdapat juga yang memahami secara pemikiran semata dan menyebabkan ruang lingkup pemahaman berada di tahap yang amat terbatas.

Islam perlu difahami seadanya sebagai agama rohaniah yang memberi kekuatan dalaman manusia dan juga manifestasi zahiriah dalam bentuk amal dan pekerti. Membangun fitrah diri sekaligus membangun persekitaran diri. Fokus pembangunan dalam Islam ialah *rijal* atau insan. Kebangunan diri insan atas asas yang fitrah bakal membangunkan persekitarannya secara fitrah juga.

Inilah asas-asas pemikiran yang cuba diungkap dalam buku ini supaya pembangunan modal insan sifatnya harmoni dan seimbang. Pendekatan holistik dalam pembangunan insan adalah amat dituntut kerana jenis cabaran kini dan hari depan tidak saja intelektual, saintifik dan teknologikal sifatnya tetapi menyangkut perkara-perkara yang bersifat *behavioral* atau tingkah laku. Muga-muga buku ini dapat memberi manfaat kepada kita. Wallahu a'lam.

Meja Pengarang 2008

ISI KANDUNGAN

BAB

1.	Membangun Jiwa Hamba	1
2.	Membangun Jiwa Khalifah	13
3.	Al-Quran Sumber Petunjuk	25
4.	Rasul Obor Rahmah Alamiah	37
5.	Rahmah Dan Nikmah Sebagai Amanah	49
6.	Beribadah Kerana Allah, Berhikmah Untuk Manusia	61
7.	Perubahan Dalam Kerangka Islam	71
8.	Barat Tidak Ditentang, Pembaratan Yang Disanggah	83
9.	Membangun Benda, Bukan Berjiwa Kebendaan	95
10.	Teknologi Selamanya Alat Bukannay Matlamat	107
11.	Takutkan Balasan Allah Dan Insaf Ketuhanan	117
12.	Mencari Makna Pembangunan Yang Fitrah	126
13.	Matematik Dan Kehidupan	136
14.	Pedoman Ihsan Dalam Pembangunan Keluarga	145
15.	Menelusuri Kisah Mengambil Ibrah	154
	Biografi Penulis	175

Bab 1

Membangun Jiwa Hamba

Allah SWT mencipta manusia tidak dengan membiarkannya hidup tanpa pedoman dan panduan. Manusia ditentukan statusnya sebagai hamba dan kemurnian status hamba itu mencerminkan sifatnya yang taat, patuh, akur dan tunduk. Memberikan perisyaratkan bahawa “Tidak diciptakan jin dan manusia melainkan atas maksud beribadah kepada Allah”. Ketaatan dan kepatuhan menjadi asas mengekal dan menyuburkan manusia dalam fitrah. Dalam hubungannya dengan Allah, ketaatan dan kepatuhan adalah syarat utama menjalin hubungan Rabbani yang tinggi. Tanpa ketaatan dan kepatuhan seluruh peraturan yang telah ditentukan tidak akan memberi apa-apa makna dan ianya boleh menyebabkan manusia bertindak melampaui batas.

Apakah yang dimaksudkan dengan fitrah? Fitrah ialah sesuatu yang serasi dengan diri atau sesuatu yang sesuai dengan citarasa insani. Misalnya jika kita pergi ke pasar naluri yang fitrah akan memilih dan membeli ikan yang baik dan segar. Jiwa yang fitrah akan membeli sayur-sayur yang hijau. Sekiranya seseorang itu ke pasar dan memilih untuk membeli ikan yang busuk dan sayur yang sudah kuning dan layu, perbuatan itu adalah sesuatu yang tidak fitrah.

Buku ini dipersembahkan sedemikian rupa untuk memberikan pemahaman yang mudah kepada pembaca mengenai asas-asas pemikiran Islam. Ianya tidak diolah secara metodologi ilmiah bagi memudahkan semua peringkat pembaca memanfaatkannya. Asas-asas pemikiran dalam tajuk-tajuk yang dipilih adalah penting bagi membolehkan perspektif mengenai pembangunan dan perubahan difahami dengan jelas.

Salah satu masalah umat Islam kini ialah ketidakjelasan dan kecelaruan dalam memahami isu-isu pokok yang berhubung dengan asas-asas pemikiran Islam. Ada yang mendekati asas-asas ini secara spiritual dan rohaniah dan terdapat juga yang memahami secara pemikiran semata dan menyebabkan ruang lingkup pemahaman berada di tahap yang amat terbatas.



BIODATA Prof. Dr. Sidek Baba

DILAHIRKAN di Kg. Pulau, Masjid Tanah, Melaka pada 12.6.1946. Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Pengajian Melayu di universiti Malaya, Diploma Pengajian Islam di UKM, Sarjana Pendidikan Berbanding di Universiti Indiana, Bloomington, USA dan Ijazah Doktor Pendidikan dalam Dasar Pendidikan di Universiti Northern Illinois, USA. Pernah menjadi pendidik selama 18 tahun, pegawai dan pensyarah di Institut Aminuddin Baki, Timbalan Dekan Pusat Matrikulasi UIAM, Pemangku Dekan Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan dan Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UIAM. Sekarang ini sebagai Profesor Pendidikan di Institut Pendidikan, UIAM.



DAR BARIYAZI

RM14.50

